

18 SEP 1997

Kumaratunga-Kejayaan

HUBUNGAN SRI LANKA-M'SIA LEBIH ERAT DENGAN LAWATAN KUMARATUNGA

KUALA LUMPUR, 18 Sept (Bernama) -- Presiden Sri Lanka Chandrika Kumaratunga hari ini berkata lawatan empat harinya ke Malaysia telah dapat menjalin hubungan yang lebih rapat antara kerajaan kedua-dua negara.

Pada sidang berita di akhir lawatannya, Kumaratunga berkata Sri Lanka telah banyak belajar daripada pengalaman Malaysia dari segi pembangunan dan peranan bersama kerajaan serta sektor swasta menjayakannya.

"Apa yang paling saya kagumi ialah Perdana Menteri (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) telah berjaya menggabungkan pembangunan dengan mengekalkan tradisi kebudayaan dan semangat Malaysia," katanya.

Presiden itu berkata hubungan kini akan dipereratkan atas asas yang diwujudkan antara kedua-dua kerajaan dan sektor swasta masing-masing.

Lawatan ini telah mewujudkan kira-kira US1 bilion dari segi komitmen pelaburan, kata Kumaratunga yang terdahulu itu menerima kunjungan perpisahan Dr Mahathir di bilik hotelnya.

Beliau juga mengunjungi Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Najihah di Istana Negara sebelum berlepas pulang malam ini.

Kepada satu soalan, Kumaratunga berkata Sri Lanka percaya bahawa ekonomi Malaysia cukup kukuh bagi ahli-ahli perniagaannya melabur di negara beliau.

Pada majlis jamuan tengah hari anjuran Dewan Perdagangan dan Perindustrian Kebangsaan semalam, beliau berkata Sri Lanka telah mewujudkan satu suasana yang lebih sesuai ke arah menarik para usahawan Malaysia.

Mengenai kemungkinan Malaysia mendapatkan pekerja Sri Lanka untuk mengatasi masalah kekurangan buruh di negara ini, Kumaratunga berkata perkara itu dibangkitkan dalam perbincangannya dengan Dr Mahathir.

Katanya Malaysia telah membayangkan kemungkinan mendapatkan para profesional Sri Lanka seperti jurutera malahan pekerja tidak mahirnya.

Mengenai jumlah pekerja yang terlibat, beliau berkata ia harus dirundingkan kerana setakat ini persetujuan yang dicapai hanya dari segi prinsipnya.

Mengenai perdagangan, beliau berkata Sri Lanka masih jauh ketinggalan kerana perdagangan lebih memihak kepada Malaysia.

"Tetapi apa yang kita harapkan lebih daripada perdagangan ialah pelaburan dari Malaysia dan itulah yang kami sedang galakkan," katanya.

Ditanya mengenai bagaimana konflik etnik di utara Sri Lanka boleh menjejaskan pelaburan, Kumaratunga bersetuju bahawa apabila berlakunya konflik senjata di sesebuah negara ia akan menjejaskan pelaburan dan pelancongan bagi satu tempoh masa.

"Tetapi di Sri Lanka ia terhad di kawasan tertentu," katanya. Oleh itu pelabur asing sedar yang adalah agak selamat untuk melabur di Sri Lanka.

Pengerusi dan Ketua Pengarah Lembaga Pelaburan Sri Lanka Thilan Wijesinghe, yang hadir pada persidangan berita itu berkata negara berkenaan telah meluluskan sejumlah US\$ 2.8 bilion pelaburan tahun lepas mencerminkan keyakinan para pelabur asing. -- BERNAMA

AZZ MAM RON